



Kelantan akan roboh jika haram di sepanjang Sungai Golok

Buletin بواليتین دارالنعيم

MINGGUAN

# DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | SAFAR 1447H | 10-14 OGOS 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

Penulis perlu angkat nilai intelektual – Datuk Kamarudin

Umat Islam disaran hidupkan hubungan rohani dengan Rasulullah SAW

Pentadbir media sosial perlu kreatif, beretika

## MB Kelantan bawa lima keutamaan rakyat kepada Perdana Menteri

Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU**, 10 Ogos – Walaupun Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) baru sahaja dibentangkan, Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud proaktif membawa hasrat, keutamaan dan keperluan rakyat negeri itu yang belum diluluskan untuk perhatian Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Menurut Dato' Mohd Nassuruddin, senarai keutamaan pembangunan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan merangkumi lima projek utama demi pembangunan dan keselamatan rakyat.

"Projek tersebut adalah pembinaan Empangan Sungai Lebir di Kuala Krai sebagai struktur mitigasi banjir, pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Serantau di Tunjong, pembentukan Zon Ekonomi Khas Rantau Panjang, pembangunan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 (LPT3) dan Pembinaan Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan (CPPC) di Lojing bagi menjadikan Kelantan sebagai



hab pengeluaran makanan utama negara," catatnya di media sosial pada Sabtu.

Beliau turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Perdana Menteri atas peruntukan dan sokongan berterusan kepada negeri Kelantan.

"Saya amat menghargai sokongan dan peruntukan berterusan daripada YAB Perdana Menteri kepada negeri Kelantan," katanya.

Beliau turut menzhahirkan keyakinan bahawa semangat federalisme yang terus diperkuuh akan membantu merapatkan jurang pembangunan antara negeri, sekali gus

meningkatkan taraf hidup rakyat secara inklusif dan berdaya saing.

"Insya Allah, saya optimis dengan menjunjung semangat federalisme, jurang pembangunan dapat dirapatkan sekaligus dapat meningkatkan taraf hidup rakyat negeri ini secara inklusif dan berdaya saing," katanya lagi.

Sempena bulan kemerdekaan, beliau menyeru agar semua pihak terus melangkah seiring dalam suasana harmoni dan saling menghormati demi merealisasikan harapan dan aspirasi rakyat.

Terdahulu, Menteri Besar mengiringi Perdana Menteri meras-

“

Insya Allah, saya optimis dengan menjunjung semangat federalisme, jurang pembangunan dapat dirapatkan sekaligus dapat meningkatkan taraf hidup rakyat negeri ini secara inklusif dan berdaya saing,”

mikan Program Madani Rakyat (PMR) 2025 di perkarangan Stadium Sultan Muhammad ke-IV, Kota Bharu.

Beliau juga mengiringi Perdana Menteri ke majlis perasmian Program Ijtimak Madani Ulama dan Guru Pondok Kelantan 2025 yang berlangsung di Dewan Profesional, UiTM Kelantan cawangan Machang pada sebelah pagi.

Seterusnya, pemimpin negeri dan negara meninjau pelaksanaan projek penanaman padi di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di Desa Gemalai Baruh Alami, Kota Bharu.



# Kelantan akan roboh jeti haram di sepanjang Sungai Golok



Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU**, 13 Ogos – Kerajaan Negeri Kelantan bakal mengambil tindakan tegas dengan merobohkan semua jeti di pengkalan haram sepanjang Sungai Golok dalam masa terdekat bagi membanteras aktiviti penyeludupan, khususnya dadah, di sempadan Malaysia-Thailand.

Timbalan Menteri Besar YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata, tindakan itu diambil demi menjaga keselamatan negeri dan negara, serta melindungi golongan

muda daripada menjadi mangsa penyalahgunaan dadah.

“Objektif utama perobohan jeti di pengkalan haram ini adalah untuk memastikan aktiviti penyeludupan berkurangan. Kita tahu dadah masuk ke Malaysia melalui Kelantan, dan negeri ini menjadi pintu masuk utama. Jadi anak-anak muda kita yang akan terkesan lebih dahulu,” katanya kepada media selepas Mesyuarat Exco di Mabna, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Beliau menjelaskan bahawa tindakan tersebut dilakukan hasil

kerjasama antara Kerajaan Negeri Kelantan melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan beberapa agensi penguatkuasaan dan agensi-agensi lain.

“Operasi perobohan ini akan dilakukan dalam masa terdekat. PBT akan bekerjasama dengan agensi-agensi lain untuk melaksanakan operasi ini dengan segera,” jelasnya.

Menurut beliau, jeti-jeti haram terbabit akan tetap dirobohkan meskipun ia dibina di atas tanah persendirian.

“Walaupun jeti tersebut dibina di atas tanah milik individu, namun ia tidak boleh dianggap sah kerana tidak mematuhi peraturan undang-undang antarabangsa, dan tidak akan diberi pampasan,” tegasnya.

Dato' Dr Mohamed Fadzli turut mengakui kemungkinan ada pihak yang menggunakan jeti haram itu untuk tujuan baik seperti menyebang menziarahi keluarga di Thailand, namun ia tetap menim-

bulkan risiko keselamatan.

“Apa yang membimbangkan kita ialah penyalahgunaan jeti-jeti haram ini untuk aktiviti penyeludupan, khususnya dadah. Maka kerajaan terpaksa mengambil tindakan ini demi kemaslahatan rakyat, negeri dan negara,” ujarnya.

Beliau turut menyeru kepada orang ramai agar mematuhi undang-undang dengan menggunakan pintu masuk yang sah sekiranya ingin ke negara jiran.

“Kita hendak ke luar negara, mestilah melalui pintu masuk rasmi seperti yang ditetapkan pihak imigresen. Jeti-jeti haram ini tidak mengikut peraturan dan itulah sebab ia dinamakan jeti haram,” tambah beliau.

Media sebelum ini melaporkan sebanyak 128 buah jeti haram di sepanjang Sungai Golok bermula dari Pengkalan Kubor di Tumpat hingga Rantau Panjang di Pasir Mas akan dirobohkan setelah mendapat surat kebenaran daripada kerajaan negeri.

## Penulis perlu angkat nilai intelektual – Datuk Kamarudin

Oleh: Norzana Razaly

**KOTA BHARU**, 10 Ogos – “Penulis harus berperanan sebagai cendekiawan yang dekat dengan ilmu dan menghasilkan karya bersifat intelektual, bukan sekadar pragmatik,” kata Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor.

“Hanya orang yang pandai sahaja boleh membaca dan menulis, maka tulislah sesuatu yang bersifat intelektual, bukan semata-mata pragmatik,” jelasnya ketika merasmikan Kolokium Tokoh Ketamadunan Islam 2.0 di Dewan Seminar Perbadanan Pustaka Awam Negeri Kelantan (PPAK), di sini, pada Sabtu.

Beliau menegaskan bahawa pragmatisme kini semakin mengatasi nilai seni, sedangkan seni Melayu menekankan adab, budi dan hikmah.

“Dalam kisah Badang, pahlawan berdu dengan seteru secara budiman dan penuh taktik halus. Seni orang Melayu menjatuhkan lawan dengan sopan tanpa menghina seteru. Inilah ilmu yang menjadi asas peradaban,” ujarnya.



Wacana ilmu anjuran Kerajaan Negeri Kelantan bersama Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur (DBPWT), Gabungan Penulis-Penulis Muda Negeri Kelantan (GEMA) dan PPAK itu menghimpunkan 200 peserta bagi mendalami ketokohan enam ilmuan Islam silam dan kontemporari.

Antara pembentang utama ialah Tokoh Budayawan Sepanjang Zam'an Dato' A. Aziz Deraman yang

berkongsi ketokohan Shaikh Daud Al-Fatoni manakala Prof. Madya Dr. Nur Azuki dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang membicarakan sumbangan Tok Selehor dan Prof. Madya Dr. Aila Abdul Latif dari Universiti Malaysia Sarawak (UniMAS) mengenai Imam Al-Ghazali.

Sementara itu, sesi kedua menampilkan sarjana Dr. Muhammad Fadzil Yusoff dari IPGM Kampus

Kota Bharu tentang Ibn Battuta serta Dr. Mohd Miqdad Aswad Ahmad dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengenai Prof. Dr. Abdus Salam. dan Dr. Tuan Siti Mastazameatum Long Tuan Kechik membincarkan sumbangan Al-Biruni.

Semua kertas kerja tersebut dibukukan dalam Prosiding Kolokium Tokoh Ketamadunan Islam 2.0 terbitan GEMA, 2025 (ISBN 978-983-9428-69-8).

# Pemimpin dekati pelajar, teladani semangat Ziauddin Yousafzai

Oleh: Norzana Razaly

**TUMPAT**, 12 Ogos – Keakraban pemimpin dengan warga sekolah khususnya ibu bapa dan pelajar, menjadi kunci membina generasi berilmu dan berakhhlak, sebagaimana dibuktikan tokoh pendidikan dunia, Ziauddin Yousafzai, yang terkenal dengan dedikasi memperjuangkan pendidikan anak-anak tanpa mengira cabaran.

Semangat itu terserlah di Maa-had Muhammadi Pasir Pekan apabila Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat bersama-sama warga sekolah menunaikan solat hajat yang dipimpin tenaga pengajar Ustaz Mohd Nordin Jaafar.

Solat hajat berkenaan diadakan bagi memohon keberkatan Al-



lah SWT, menolak segala perkara yang tidak baik, serta memohon perlindungan-Nya agar seluruh warga sekolah sentiasa berada dalam rahmat dan bimbingan Ilahi.

Menurut Dato' Wan Roslan, inisiatif sebegini bukan sahaja mengukuhkan hubungan antara pemimpin, guru, ibu bapa dan pelajar, bahkan menyuntik inspirasi untuk mencontohi aktivis pendidikan dan ayah kepada Malala Yousafzai, pemenang Nobel Perdamaian Ziauddin Yousafzai yang menjadikan

pendidikan sebagai perjuangan hidup.

“Pendidikan adalah amanah yang mesti dijaga bersama. Kejayaan pelajar adalah kejayaan kita semua. Sebagai mantan guru dan pengetua, alam pendidikan sudah sebat dengan hidup saya. Jadi, setiap kali saya berpeluang bersama ibu bapa dan pelajar, inilah ruang untuk selami jiwa mereka.

“Bagi saya, pendidikan bukan hanya tentang kecemerlangan akademik semata-mata. Pemben-

tukan sahsiah paling utama. Sebab itu Kelantan perkenalkan Dasar Pendidikan Rabbani yang menuntut pelajar mengungguli bidang akademik dan berakhhlak,” jelasnya.

Tambahnya, majlis itu juga menjadi ruang memohon kemudahan urusan pembelajaran pelajar, khususnya calon peperiksaan, agar dikurniakan ketenangan hati, kekuatan fikiran serta kejayaan yang bermanfaat kepada masyarakat.

## NGO kuasa ketiga jayakan agenda Kelantan Futures State 2033



Oleh: Norzana Razaly

**KOTA BHARU**, 9 Ogos – Kerajaan Negeri Kelantan mengiktiraf peranan penting pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sebagai kuasa ketiga dalam menjayakan pelaksanaan agenda pembangunan negeri.

Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad berkata menyedari kepentingan tersebut, Konfederasi NGO Kelantan (KNK) telah berjaya menyelaras dan menggerakkan fungsi semua NGO di negeri ini

melalui SIDANG 2025.

Katanya, kerjasama erat di antara kerajaan negeri dan NGO mampu menjayakan pelaksanaan program yang sukar dibuat secara langsung oleh pihak kerajaan.

“Ke mana hala tuju Kelantan? Persoalan ini sering dilihat sebagai percanggahan di antara pembangunan dan Islam.

“Persepsi ini salah. Sebab itulah tahun ini, fokus kita adalah Kelantan Futures State 2033. Kerajaan negeri akan merangka dasar, manakala NGO berperanan sebagai ejen pelaksana,” jelasnya.

YB Zamakhshari juga menjelaskan bahawa apabila sebarang isu berkaitan dasar negeri timbul di pelbagai platform media, NGO wajar tampil memberi penjelasan dan menjernihkan keadaan.

Terdahulu, Penasihat KNK Dr. Nazmi Ghazali Azmi menyatakan bahawa SIDANG telah bersidang secara dwi tahunan sejak tahun 2015 dalam pelbagai format, termasuk meja bulat, bujur dan gaya bilik darjah, berikut sambutan dan sokongan padu daripada NGO di Kelantan.

Beliau yang juga Setiausaha

Politik Menteri Besar Kelantan menjelaskan bahawa SIDANG 2025 bertemakan “Kelantan Futures State 2023” memfokus 19 Kuasa Penggerak.

“Salah satu daripada 19 Kuasa Penggerak ialah NGO. Peranan NGO amat penting untuk mencapai matlamat Kelantan Sejahtera 2033.

“Kajian dan penyelidikan oleh universiti tempatan turut menyumbang kepada perancangan tersebut.

“Kajian ini Malaysia pun tak buat, Singapura buat. Jadi Kelantan sama dengan negara maju yang buat perancangan untuk kemajuan negeri menjelang 10 tahun akan datang,” ujarnya.

Dr. Nazmi menegaskan bahawa kerajaan negeri berharap untuk mendapatkan pandangan dan kerjasama daripada NGO sebagai kuasa ketiga demi mencapai slogan Kelantan Futures State 2033.

“Semangat kebersamaan inilah yang kita mahukan,” katanya dalam ucapan alu-aluan pada SIDANG 2025 kelolaan Urus Setia Belia dan Sukan Negeri Kelantan (U-BeS) yang menghimpunkan 500 wakil NGO dari seluruh Kelantan.

# Umat Islam disaran hidupkan hubungan rohani dengan Rasulullah SAW

Oleh: Norzana Razaly

**PASIR MAS**, 8 Ogos – Umat Islam diingatkan bahawa hubungan rohani dengan Rasulullah SAW tidak pernah terputus meskipun Baginda telah wafat lebih 1,400 tahun lalu, kerana umat Islam hari ini masih memikul amanah meneruskan perjuangan dan dakwah yang dibawa oleh Baginda.

Pegawai Halaqat Kota Bharu Ustazah Maisuri Ismail berkata umat Islam disaran berdoa dengan menyeru “Wahai Rasulullah” seolah-olah Baginda berada di hadapan, sebagai tanda kecintaan dan kesinambungan misi dakwah yang diwariskan.

“Muslimin dan muslimat yang menerima Islam digelar da’ei, manakala mereka yang belum beragama Islam tetapi akhirnya kem-



bali kepada agama fitrah ini digelar ijazah iaitu golongan yang diperlengkungjawabkan,” jelasnya ketika menyampaikan tazkirah sempena Program Hijratul Rasul 1447H Peringkat Pasir Mas di Madrasah Mek Kampung Kolam, Gelang Mas, di sini, hari ini.

Program kerohanian anjuran Urus Setia Penerangan dan Komu-

nikasi Negeri Kelantan (UPKN) itu menghimpunkan hampir 100 penduduk tempatan bagi menghayati ibrah peristiwa hijrah Rasulullah SAW dari Mekah ke Madinah.

Mereka turut berkerjasama menyediakan tiga kawah bubur As-Syura sebagai simbolik persepakatan komuniti di situ.

Hijratul Rasul merupakan pro-



gram tahunan Kerajaan Negeri Kelantan yang dilaksanakan di semua 14 kawasan Parlimen di negeri ini.

Objektifnya ialah bagi memperkuuh kefahaman umat Islam terhadap pengorbanan, strategi, dan nilai perjuangan Baginda SAW dalam membina masyarakat berteraskan iman dan takwa.

## Ops Selamat PaPa: Kelantan serius perangi rokok, vape



Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU**, 11 Ogos – Kerajaan Kelantan menegaskan keseriusan memerangi ancaman rokok dan vape menerusi Operasi Bersepadu Selamat Paru-Paru (Ops Selamat PaPa) yang digerakkan di seluruh negara.

Komitmen penuh itu sekali gus melindungi generasi akan datang daripada bahaya produk tembakau.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata operasi berlandaskan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) tersebut menumpukan pendekatan mendidik dan mencegah, selain tin-



dakan penguatkuasaan.

“Setiap amaran, pemeriksaan dan tindakan adalah mesej kasih sayang kerajaan kepada rakyat.

“Kami mahu paru-paru kamu selamat, kami mahu anak-anak kamu sihat. Penguatkuasaan undang-undang kesihatan awam adalah amanah, bukan untuk mendidas,” tegasnya ketika merasmikan pelancaran Ops Selamat PaPa peringkat Negeri Kelantan 2025 di Dewan Utama Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra, di sini, hari ini.

Menurut beliau, antara peruntukan yang dikuatkuasakan termasuk larangan iklan, promosi dan tajaan produk merokok, penjualan kepada orang belum dewasa dan penjualan tidak mengikut harga atau syarat

ditetapkan serta kesalahan berkaitan label dan pembungkusan.

Bagi kesalahan pertama, syarikat boleh dikenakan denda RM20,000 hingga RM100,000 atau penjara maksimum dua tahun.

Manakala kesalahan berikutnya dikenakan denda sehingga RM300,000 atau penjara tiga tahun.

YB Hilmi turut merakamkan penghargaan kepada agensi penguat kuasa seperti Jabatan Kesihatan Negeri, pihak berkuasa tempatan, Polis Diraja Malaysia, Kastam, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) dan Lemba Kenaf dan Tembakau Negara atas kerjasama bersepadu.

Kelantan merupakan negeri terawal menguatkuasakan larangan

penjualan vape dan shisha sejak 2015, selain melaksanakan Inisiatif Kelantan Bebas Asap Rokok (IK-BAR) pada 2013 yang mewartakan 15 zon larangan asap rokok bermula 2017.

Inisiatif berkenaan turut disokong NGO dan kumpulan belia Sahabat IKBAR.

Dalam perkembangan berkaitan, tujuh pihak berkuasa tempatan di negeri ini telah menjalankan 65 operasi dan merampas 42,159 perisa vape sehingga Julai lalu.

MPKB-BRI mencatat ramasan terbesar iaitu 21,500 unit, diikuti Majlis Daerah Tanah Merah (11,883 unit).

Majlis pelancaran hari ini turut menyaksikan penyerahan watikah kerjasama kepada rakan strategik dan buku Akta 852 kepada Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan serta PBT.

Turut hadir, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) Dr Faris Awang, Timbalan Pengarah UPEN Wan Lily Liana Wan Mat, Pengarah Bahagian Kerajaan Tempatan Nor Sheri Erani Abdullah dan ketua-ketua jabatan.

# Pentadbir media sosial perlu kreatif, beretika

Oleh: Norzana Razaly

**KOTA DARULNAIM**, 10 Ogos – Pengurusan media sosial memerlukan keseimbangan di antara kreativiti dan ketepatan penyampaian maklumat.

Demikian kenyataan Timbalan Pengarah Unit Pemantauan dan Pelaksanaan Strategik Pejabat Menteri Besar Kelantan Khairul Padeli Baduldin ketika merasmikan majlis penutup

Bengkel Pentadbir Media Sosial anjuran Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) di Dewan Teratai, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Khairul Padeli menegaskan bahawa pentadbir media khususnya di agensi kerajaan dan laman sosial pemimpin setempat wajar menghasilkan karya menarik yang mematuhi etika penyebaran maklumat yang tepat, sahih dan berautoriti.

“Media sosial adalah saluran penting dalam membina persepsi positif terhadap kerajaan negeri.




“Setiap maklumat yang disiaran perlu berlandaskan fakta yang benar serta bertanggungjawab,” jelasnya.

Beliau juga merakamkan penghargaan atas inisiatif UPKN atas penganjuran program yang memperkuuh keberkesanan komunika-

si kerajaan negeri dengan rakyat melalui medium digital yang pantas, interaktif dan inklusif.

Sebanyak 100 pentadbir media sosial dalam kalangan belia dan beliauanis menyertai bengkel yang menerangkan teknik dan strategi menghasilkan kandungan kreatif dan berimpak tinggi di platform digital.

## Madinah al-Riadah capai kemajuan 20.6 peratus



Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM**, 12 Ogos – Pembinaan kompleks sukan Madinah al-Riadah di Bukit Merbau yang bakal menjadi lokasi utama Sukan Malaysia (SUKMA) 2028

mencatat kemajuan 20.6 peratus setakat 31 Julai lalu.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad berkata, walaupun sedikit rendah berbanding sasaran 21.93 peratus, perkem-

bangan keseluruhan projek adalah memuaskan dan berjalan mengikut jadual.

“Alhamdulillah, kemajuan pembinaan terutama Stadium Bukit Merbau berjalan baik meskipun berdepan cabaran seperti kerja

meletupkan batu hampar serta isu teknikal lain. Terima kasih kepada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang sentiasa memantau perkembangan projek ini,” katanya menerusi catatan di media sosial, hari ini.

Menurutnya, kerajaan negeri melalui pemantauan rapat pihaknya akan memastikan semua persiapan infrastruktur sukan dapat disiapkan mengikut jadual bagi menjayakan penganjuran SUKMA 2028.

YB Zamakhshari turut merakamkan penghargaan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) termasuk JKR Pusat, JKR Negeri, JKR Pasir Putih serta semua pihak yang terlibat dalam penyediaan laporan dan status semasa pembinaan.

Terdahulu, beliau menyertai lawatan kerja ke tapak projek bersama rombongan KBS yang diketuai Timbalan Ketua Setiausaha KBS Abdullah Hasan diiringi wakil JKR Pusat, JKR Negeri dan JKR Pasir Putih bagi mendengar taklimat serta meninjau perkembangan terkini.

# RM26.33 juta pulihkan tanah terbiar, Kelantan lonjak ekonomi luar bandar

Oleh: Asri Hamat

**PASIR PUTEH**, 11 Ogos – Kerajaan Negeri Kelantan memperuntukkan sebanyak RM26.33 juta bagi memajukan 3,332.92 hektar tanah terbiar di seluruh negeri, sejak tahun 2006.

Impaknya, ratusan peluang pekerjaan dihasilkan dan meningkatkan keselamatan makanan serta melonjakkan ekonomi luar bandar.

Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata usaha berterusan itu membuktikan potensi besar sektor pertanian untuk menjana pendapatan rakyat, di samping mengoptimalkan sumber tanah yang sebelum ini tidak dimanfaatkan.

“Matlamat utama ialah meningkatkan tahap sara diri makanan negeri, khususnya sayur-sayuran, buah-buahan dan hasil bernilai tinggi, sambil memberi manfaat ekonomi terus kepada pengusaha,”



katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan Insentif Pertanian Projek Pembangunan Tanah Terbiar 2025 di Kampung Gong Tengah, di sini, hari ini.

Beliau juga memaklumkan bahawa tanaman kekal yang diusahakan termasuk kelapa, durian dan limau madu, manakala tanaman singkat masa melibatkan tembikai, nanas, cili, timun, jagung, melon dan sayur-sayuran.

Syarikat berkaitan kerajaan

(GLC) pertanian negeri turut menyumbang secara aktif, antaranya PKPNK (270 ekar di Rong Chenok), KPKB (98.36 ekar), KBC (200 ekar) dan DAMAI (150 ekar).

Dato' Tuan Mohd Saripudin turut berkongsi kisah kejayaan peserta projek di Kampung Lepan Rambutan, Machang, yang mengusahakan 12.36 ekar tanah terbiar sehingga menghasilkan 200 metrik tan tembikai pada 2024, sekali gus memberi pekerjaan kepada penduduk setempat.

“Inilah contoh terbaik semangat dan daya usaha rakyat yang mampu mengubah kehidupan melalui hasil bumi sendiri,” katanya.

Turut hadir, Ahli Dewan Negeri (ADN) Semerak YB Norsham Sulaiman, Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Kelantan Norbahani Zakaria, Pengarah FAMA Negeri Kelantan Wan Faizatul Aniza Ismayatim, Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia Negeri Kelantan Mohammad Fauzan Mohd dan Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri Mohd Hanifa Awang Su.

## Pesta tangkap ikan guna pukat tarik di Pantai Kemasin, Sabtu ini



Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM**, 13 Ogos – Kerajaan Negeri Kelantan melalui Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) akan menganjurkan Pesta Tangkap Ikan secara tradisional menggunakan pukat tarik pada 16 Ogos ini, di Pantai Kemasin, Bachok.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata, program berkenaan diadakan bagi mempopularkan dan menghidupkan semula aktiviti menangkap

ikan menggunakan kaedah tradisional masyarakat pesisir pantai Kelantan, iaitu teknik pukat tarik.

“Pukat tarik ini merupakan sejenis pukat yang panjangnya boleh mencecah antara 100 hingga 200 meter. Satu bahagian pukat akan dibawa ke laut manakala dua kumpulan di darat akan menarik pukat tersebut secara bergilir-gilir. Dalam proses ini, ikan-ikan akan terperangkap di dalam pukat,” katanya kepada media selepas mesyuarat Exco di Mabna, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Menurut beliau, teknik ini

biasanya dijalankan secara gotong-royong dalam kalangan komuniti tempatan dan melambangkan semangat kerjasama tradisional dalam kalangan masyarakat.

Program dijadualkan bermula pukul 8.00 pagi itu terbuka kepada orang ramai, dan para pengunjung dialu-alukan untuk hadir serta menyertai aktiviti sambil bersantai bersama keluarga.

“Selain menangkap ikan, kita juga akan adakan kenduri rakyat dengan jamuan gulai kawah untuk semua pengunjung. Ikan yang ditangkap juga boleh dinikmati bersama secara langsung,” tambah-

ya.

Dalam perkembangan lain, mengulas isu perobohan pengkalan haram di sempadan Malaysia-Thailand di Sungai Golok, Datuk Kamarudin menegaskan bahawa ia tidak memberi kesan kepada kehadiran pelancong ke negeri ini.

“Pelancong yang datang ke Kelantan menggunakan pintu masuk yang sah. Mereka yang menggunakan pengkalan haram bukanlah pelancong, tetapi tergolong dalam kategori lain. Jadi perobohan pengkalan haram ini tidak menjasaskan kemasukan pelancong dari luar,” ujarnya.





Madinah al-Riadah capai kemajuan 20.6 peratus

Buletin دارالنعيم MINGGUAN

# DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | SAFAR 1447H | 10-14 OGOS 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

## Ilyas Aduka juarai Karom Terbuka, bawa pulang RM3000

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 13 Ogos – Biarpun baru menceburi sukan karom, Ilyas Aduka, 14, dari Kampung Puteh, mencipta kejutan apabila muncul juara perseorangan Cabaran Karom Terbuka Kelantan Piala Ahli Parlimen Kota Bharu.

Kejohanan yang berlangsung di Kelantan Trade Centre (KTC) pada 9 dan 10 Ogos adalah anjuran Kelab Belia Kota Bharu dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Iktisas Negeri Kelantan (PKINK) dan menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM36,971.

Ahli Parlimen Kota Bharu YB Dato' Seri Takiyuddin Hassan menyifatkan kemenangan luar biasa itu membolehkan pelajar sekolah menengah tersebut membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000, menewaskan ratusan peserta senior kejohanan yang disertai lebih 700 pemain dari seluruh negara, termasuk Kuala Lumpur,



Selangor, Pulau Pinang, Kedah dan Terengganu.

“Kita bangga atas pencapaian Ilyas yang mendapat pendedahan dan latihan di Puteh Legacy Carom Club di Jalan Telipot, Kota Bharu.

“Walaupun baru bergiat aktif dalam karom pada tahun 2023, anak muda ini telah membuktikan

potensi besar sebagai pemain muda yang berwibawa,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Tambahnya, penganjuran kejohanan itu dapat mengangkat martabat sukan karom di peringkat nasional, bahkan membuka ruang kepada bakat baharu untuk bersinar di pentas lebih tinggi.

“Tahniah kepada penganjur.

Kejohanan bertaraf kebangsaan di Kota Bharu ini mampu menjadi medan pertemuan jaguh karom dari pelbagai negeri,” jelasnya.

Beliau hadir menyampaikan hadiah kepada pemenang diiringi Ketua Pegawai Eksekutif PKINK Dato' Zamri Ismail dan Pengurus Kelab Belia Kota Bharu Marwan Husin.

